

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
[SILAM]**

TARIKH : **25 NOVEMBER 2015**

SOALAN : **Datuk Haji Datuk Nasrun bin Datu
Mansur [Silam] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan kerjasama antara
Negara ASEAN dalam menghadapi
ancaman transnasional seperti
penyeludupan, kegiatan lanun dan
terrorisme.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Silam atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, ancaman transnasional merupakan salah satu daripada isu utama yang dibincangkan di peringkat ASEAN. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (*ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime – SOMTC*) dan Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (*ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime – AMMTC*) merupakan platform utama bagi ASEAN untuk memerangi ancaman jenayah transnasional yang mampu mengancam kestabilan dan keselamatan rantau ini. SOMTC dan AMMTC membincangkan 10 bidang keutamaan jenayah rentas sempadan iaitu keganasan, pemerdagangan manusia, penyeludupan senjata, jenayah siber, jenayah ekonomi antarabangsa, penyeludupan dadah, pengubahan wang haram, kegiatan lanun laut, penyeludupan orang dan pemerdagangan hidupan liar dan kayu balak.

3. Dalam usaha menangani ancaman jenayah transnasional, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, telah menganjurkan Mesyuarat AMMTC Ke-10 di Kuala Lumpur dari 28 September hingga 1 Oktober 2015. Hasil mesyuarat tersebut, beberapa dokumen penting telah dikeluarkan yang menunjukkan komitmen dan kesungguhan ASEAN untuk menangani ancaman jenayah rentas sempadan secara bersama.

4. Antara jenayah rentas sempadan yang menjadi perhatian kebelakangan ini adalah isu keganasan. Menyedari ancaman yang semakin menular ini, ASEAN telah mengadakan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Kebangkitan Radikalisasi dan Keganasan Melampau secara berturutan dengan AMMTC Ke-10 di Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2015. Mesyuarat antara lain telah menyeru Negara-Negara Anggota ASEAN untuk menentang keganasan dan menyokong kesederhanaan selaras dengan Deklarasi Langkawi Mengenai Pergerakan Kesederhanaan Global yang diperakukan pada 27 April 2015.

5. Satu lagi isu besar mengenai jenayah rentas sempadan adalah pergerakan migran secara tidak sah di Asia Tenggara yang sering dikaitkan dengan pemerdagangan manusia dan penyeludupan orang. Bagi membincangkan isu ini secara komprehensif serta mencari jalan penyelesaian bagi menangani isu ini, Malaysia telah menganjur dan mempengerusikan satu Mesyuarat Tergempar AMMTC di Kuala Lumpur pada 2 Julai 2015. Selain itu, ASEAN telah memuktamadkan Konvensyen ASEAN Mengenai Pemerdagangan Manusia (*ASEAN Convention on Trafficking in Persons – ACTIP*) dan Pelan Tindakan ASEAN (*ASEAN Plan of Action – APA*) yang mana ia akan diperaku dan ditandatangani oleh Pemimpin-Pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 pada 20-22 November 2015 di Kuala Lumpur.

6. Malaysia akan terus memantapkan lagi jaringan kerjasama di kalangan Negara-Negara Anggota ASEAN bagi memerangi pelbagai ancaman jenayah transnasional di rantau ini.

Terima kasih.